

02/06/2000

Dr Mahathir mahu sukan go-kart dimajukan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Fazli Arman

KERAJAAN akan memberi sokongan penuh andainya ada pihak bersedia membina lebih banyak litar lumba go-kart jika ramai rakyat Malaysia berminat menceburi sukan berkenaan.

Malah, jika minat di kalangan rakyat semakin meningkat, kerajaan sanggup menyediakannya, terutama jika membabitkan program Rakan Muda yang dikendalikan Kementerian Belia dan Sukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jika perlu pembinaannya akan dicadangkan di seluruh negeri bagi memberi peluang kepada peminat sukan itu berlatih dan memupuk bakat mereka.

Menurutnya, sukan itu boleh diperkembangkan kerana ia bukan sahaja semakin mendapat sambutan, malah perlumbaan yang dianjurkan di negara ini diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Dr Mahathir juga berpendapat jika minat berkenaan dipertingkatkan, negara mungkin dapat melahirkan pelumba Formula Satu pada masa depan.

"Sekarang jelas minat di kalangan orang Malaysia makin tinggi. Ini baik untuk sukan lumba motor kerana pelumba Formula Satu bermula dengan go-kart.

"Sekarang pun kita sudah ada litar go-kart di Litar F1 Sepang serta yang lain di Lembah Klang yang mendapat pengiktirafan antarabangsa," katanya selepas majlis penyerahan Piala Cabaran EON Asean Kart Prix 2000 di Langkawi, semalam.

Kejohanan Asean Kart Prix 2000 selama dua hari di Morac International Karting Circuit mulai Sabtu ini dianjurkan Mofaz Motorsports, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Kelab Motor Langkawi. Edaran Otomobil Nasional (EON) menaja RM150,000 untuk kejohanan berkenaan.

Di majlis berkenaan, Pengerusi EON, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, menyerahkan piala yang diperbuat daripada perak kepada Dr Mahathir yang kemudian menyampaikannya kepada Pengerusi Mofaz, Mohamed Fauzy Abdul Hamid.

Perdana Menteri berkata kerajaan bersedia menyediakan litar kerana selama ini kerajaan memang membelanjakan banyak wang membina kemudahan sukan seperti stadium dan gelanggang badminton.

Dr Mahathir juga berkata sukan itu bukan terhad kepada golongan tertentu sahaja kerana semua golongan yang berminat boleh menceburinya dan kerajaan pula bersedia memberikan sokongan.

(END)